

**NO. SOALAN: 50**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO**  
**[ BATU KAWAN ]**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2016 (RABU)**

**SOALAN :**

**Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

menyatakan mengapa kaum India masih terpinggir dari segi kewarganegaraan, pendidikan Sekolah dan university, peluang pekerjaan dalam sektor Kerajaan dan swasta dan keusahawanan serta apakah pendekatan Kerajaan untuk menangani masalah ini dan pendekatan Kerajaan untuk mencegah kaum India dari terjebak dalam gangsterisme.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab, kita telah memperkenalkan pelbagai langkah-langkah baru dan inovatif untuk berkhidmat kepada masyarakat India, termasuk mereka yang menetap di negeri-negeri yang diperintah oleh pakatan pembangkang. Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Masyarakat India pada tahun 2008 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri sendiri. Sejak lebih 7 tahun yang lalu, kita telah memberi perhatian yang khusus kepada setiap sektor utama yang melibatkan kaum India dan secara tidak langsung meningkatkan akses masyarakat India kepada perkhidmatan dan bantuan yang terdapat dalam sektor-sektor tersebut.

Selaras dengan itu, Kerajaan telah membentuk 4 unit khas iaitu Pasukan Petugas Khas Pelaksanaan (SITF), Pelan Tindakan Masa Depan Sekolah-Sekolah Tamil, Sekretariat Khas bagi Memperkasakan Usahawan India (SEED) dan Unit Khas Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (SEDIC) untuk menangani isu-isu spesifik utama yang dihadapi oleh masyarakat India.

Melalui Sekretariat SEED yang kita tubuhkan untuk menyelaras penglibatan usahawan kaum India, kita telah berjaya membantu lebih 28,000 usahawan dan syarikat milik masyarakat kaum India dengan jumlah peruntukkan sebanyak RM 1.1billion.

Dalam bidang pendidikan pula, Kerajaan telah memperuntukkan RM792.68 juta sejak tahun 2009 untuk pembangunan infrastruktur Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Malahan, kita juga telah memberi kelulusan untuk 7 SJKT baru. Kerajaan juga telah menambah bilangan tempat yang disediakan bagi pengajian peringkat matrikulasi di mana 1,500 tempat telah dikhaskan untuk pelajar-pelajar dari kaum India sejak tahun 2012. Jumlah pelajar India yang diambil di peringkat politeknik juga semakin bertambah dengan 7.95% pelajar India pada tahun 2015.

SITF pula telah menumpukan perhatian kepada isu dokumentasi dan pekerjaan. Melalui kempen MyDaftar yang dilaksanakan sejak tahun 2011, masalah dokumentasi di kalangan masyarakat India sedang diatasi secara berperingkat. Daripada lebih 10,000 permohonan yang diterima ketika kempen tersebut dilancarkan, lebih 8,000 permohonan telah diluluskan. Usaha berterusan sedang dilaksanakan oleh SITF dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Pendaftaran Negara untuk mengenal pasti individu yang masih menghadapi masalah dokumentasi untuk tampil dan membuat permohonan.

Unit Khas Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (SEDIC) pula bertujuan untuk mengendalikan peruntukan kerajaan bagi menjalankan program intervensi strategik masalah sosio ekonomi masyarakat India, khususnya golongan B40. Antara program yang diberi tumpuan oleh SEDIC adalah program intervensi untuk golongan belia berisiko tinggi. Bagi tahun 2015 SEDIC telah menerima sebanyak 313 permohonan bernilai RM262,084,350.30; daripada jumlah tersebut, SEDIC telah memproses dan mengagihkan dana sebanyak RM29,662,794.00 (RM 23,617,919.00 untuk badan bukan kerajaan

dan RM 6,044,875.00 untuk Institut Latihan Kemahiran Asas). Seramai 129,700 belia menyertai program-program yang ditaja oleh SEDIC dengan kerjasama NGO-NGO daripada jumlah 254,045 keseluruhan peserta yang di taja bagi kesemua program SEDIC. SEDIC memastikan bantuan dana yang disalurkan oleh kerajaan kepada masyarakat India membawa impak positif kepada kumpulan sasaran dan dipantau secara holistik tanpa mengira sebarang '*fear or favour*'.

Sekian, terima kasih.